

PENDIDIKAN ISLAM TAHUN 4

UNIT 1 HADIS: MEMULIAKAN TETAMU

Jawab soalan berikut dan pilih jawapan yang **betul**.

1. Apakah maksud tetamu?
 - a. Orang yang makan di restoran
 - b. Orang yang bekerja di pejabat
 - c. Orang yang datang ke rumah kita
 - d. Orang yang memberi rawatan kepada kita
2. Apakah maksud utama memuliakan tetamu dalam Islam?
 - a. Memberi makanan sahaja
 - b. Melayan dengan baik dan hormat
 - c. Memberi hadiah mahal
 - d. Mengajak berbual kosong
3. Nabi Muhammad SAW menganjurkan umatnya untuk memuliakan tetamu.
 - a. Betul
 - b. Salah
4. Manakah antara berikut **bukan** adab memuliakan tetamu?
 - a. Menyambut tetamu dengan senyuman
 - b. Menyediakan tempat duduk yang selesa
 - c. Meninggalkan tetamu tanpa layanan
 - d. Menawarkan minuman atau makanan
5. Apakah ganjaran bagi orang yang memuliakan tetamu?
 - a. Makanan
 - b. Dosa
 - c. Robux
 - d. Pahala

6. Berikut merupakan kepentingan memuliakan tetamu , **kecuali**
- a. Mendapat pahala
 - b. Mengeratkan perpaduan
 - c. Mendapat kemurkaan Allah S.W.T
 - d. Menyemai kasih sayang
-
- i. Ali bermain telefon dan tidak mengendahkan tetamu yang datang ke rumahnya.
 - ii. Aleeya membiarkan baju tidak berlipat di atas sofa ketika tetamu datang ke rumah.
 - iii. Liana menjamu tetamu dengan makanan dan minuman yang sedap dan halal.
 - iv. Syami menanyakan khabar tetamu yang datang ke rumah dengan mesra dan ramah.
7. Antara situasi di atas, manakah yang merupakan adab yang **betul** melayan tetamu?
- a. i dan ii
 - b. ii dan iii
 - c. i dan iv
 - d. iii dan iv